

21 NOV 1996
LEAD Ting-Pembetulan
EMPAT PAKEJ BAYARAN PEMBETUNGAN IWK

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini mengumumkan empat pakej bagi kadar baru pembayaran pembetulan Indah Water Konsortium (IWK) dengan caj minimum RM2 sebulan untuk kegunaan domestik rumah kos rendah.

Beliau juga mengumumkan bahawa bagi pengguna yang telah membayar caj pembetulan sebelum 1 Jan 1997, bayaran itu akan dikreditkan ke dalam bil-bil pembetulan akan datang yang disediakan berasingan daripada bil air.

Ini berikutan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa semua tunggakan bil pembetulan IWK dihapuskan manakala caj secara tetap akan menggantikan kadar bayaran mengikut jumlah penggunaan air yang dikenakan sebelum ini.

Kadar baru IWK yang dikategorikan mengikut pakej pelanggan domestik, pelanggan industri, pelanggan komersial dan premis kerajaan itu berkuatkuasa 1 Jan depan, kata Ting pada persidangan berita di pejabatnya.

Bagi pelanggan domestik, rumah kos rendah akan dikenakan caj RM2 sebulan manakala rumah di kampung dan estet dikenakan RM3 sebulan.

Pelanggan domestik lain yang mempunyai perkhidmatan tangki septik akan dikenakan caj RM6 sebulan manakala yang mempunyai perkhidmatan pembetulan bersambung pula akan dikenakan RM8 sebulan.

Pelanggan industri pula akan dikenakan caj berdasarkan kepada jumlah pekerja pada kadar RM2 bagi setiap pekerja sebulan untuk perkhidmatan tangki septik manakala untuk perkhidmatan bersambung pula, caj yang dikenakan ialah RM2.50 setiap pekerja sebulan.

Pelanggan komersial, pembayaran caj tetap akan berdasarkan nilai tahunan harta dan caj tambahan pada kadar 65 sen bagi setiap meter padu penggunaan air yang melebihi 100 meter padu sebulan.

Premis kerajaan pula akan dikenakan caj tetap dan caj tambahan 65 sen bagi setiap meter padu penggunaan air yang melebihi 100 meter padu sebulan.

Ting berkata kadar baru yang diluluskan oleh mesyuarat Kabinet semalam adalah berdasarkan faktor kemampuan, kesaksamaan dan elemen subsidi bersilang dengan yang lebih berada menampung subsidi kepada yang kurang mampu.

"Elemen subsidi silang itu bermakna sektor-sektor kerajaan, industri dan komersial akan membayar kadar yang lebih tinggi berbanding sektor domestik," katanya.

Beliau juga berkata caj pembetulan tidak akan dikenakan kepada pelanggan yang tangki septiknya masih belum dikosongkan oleh IWK.

Katanya, IWK juga akan mengeluarkan bil pembetungannya sendiri dan tidak lagi bersama bil air dan semua pelanggan akan dimaklumkan sebelum IWK mengemukakan bil pembetulan kepada mereka.

Beliau berkata kerajaan yakin bahawa pakej perkhidmatan pembetulan yang baru itu akan diterima baik oleh semua pihak kerana ia dihasilkan setelah mengambil kira semua pandangan, kritikan dan syor-syor yang dikemukakan kepada kerajaan dan IWK.

Ketika ditanya sama ada caj itu akan dikaji semula dalam tempoh masa tertentu, beliau berkata mengikut perjanjian konsesi kerajaan dengan IWK, caj itu boleh dikaji semula selepas lima tahun memberikan perkhidmatan. --
BERNAMA

NZ YBK NMO